

YAYASAN ALBUKHARY MENASIHATI ORANG RAMAI AGAR MERUJUK KEPADA YAYASAN JIKA ADA SEBARANG KENYATAAN BERKAITAN DENGAN SYED MOKHTAR ALBUKHARY YANG MENULAR DI MEDIA SOSIAL

Yayasan Albukhary ingin menasihati orang ramai agar tidak mudah mempercayai kenyataan yang menular di media sosial dan mengesahkan kesahihan sebarang kenyataan dengan pihak Yayasan. Pada tahun 2015, Yayasan Albukhary telah mengeluarkan kenyataan jelas tentang hal ini, akibat kenyataan palsu yang disebarluaskan di media sosial yang didakwa ditulis oleh Pengurus Yayasan, Syed Mokhtar Albukhary. Walaupun Yayasan telah menafikan dakwaan berkenaan, perbuatan tidak bertanggungjawab ini telah menimbul sekali lagi dan kali ini, mengaitkan Pengurus Yayasan dengan parti politik tertentu.

Tindakan penulis yang menyalahgunakan nama Pengurus Yayasan Albukhary adalah perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan melanggar undang-undang. Kami ingin menegaskan bahawa Pengurus Yayasan Albukhary jarang sekali mengeluarkan kenyataan umum. Oleh itu, kami ingin menyarankan orang ramai supaya mengesahkan kesahihan sebarang kenyataan yang didakwa ditulis oleh Syed Mokhtar Albukhary, dengan pihak Yayasan Albukhary melalui laman web rasminya, iaitu: www.albukharyfoundation.my.

Untuk mengelakkan kekeliruan pada masa hadapan, segala kenyataan rasmi berkaitan dengan Syed Mokhtar Albukhary mengenai Yayasan Albukhary, kumpulan syarikat atau pendapat peribadi Syed Mokhtar tentang sebarang isu hanya sah jika diterbit oleh laman web rasmi Yayasan Albukhary.